

# GP008-A

# GP

**DRAF**  
Februari 2011

## garis panduan perancangan **Masjid dan Surau**



# garis panduan perancangan **Masjid dan Surau**



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**16 Februari 2011**

**Cetakan Pertama 2011**

© Hakcipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,  
ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara,  
sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan  
sebagainya tanpa kebenaran bertulis  
daripada Penerbit terlebih dahulu

**ISBN 978-983-41729-6-1**

Diterbitkan di Malaysia

Oleh

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Tel.: 03 – 2081 6000 Fax: 03 – 2094 1170

## **Pemberitahuan**

Garis Panduan ini menggantikan  
Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam JPBD 7/97.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan  
rancangan pemajuan yang sedang berkuatkuasa, khususnya  
Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.

Garis panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain  
yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak.

Ia juga perlu dibaca bersama dengan beberapa garis panduan lain  
yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia.

**ISI KANDUNGAN**

<b>1.</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2.</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>1</b>
2.1	Keperluan Penyediaan Tempat Ibadat Islam	1
2.2	Skop Garis Panduan	1
2.3	Takrifan Tempat Ibadat Islam	
<b>3.</b>	<b>PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN</b>	<b>2</b>
<b>4.</b>	<b>GARIS PANDUAN UMUM</b>	<b>4</b>
4.1	Perletakan	4
4.2	Susun Atur Penggunaan Ruang	9
<b>5.</b>	<b>GARIS PANDUAN KHUSUS</b>	<b>17</b>
5.1	Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah/Jajahan	17
5.2	Masjid Mukim/Jamek/Bandar/Kampung	18
5.3	Surau/Musalla	19
5.4	Bilik atau Ruang Solat	20
<b>6.</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>22</b>

Jadual 1	: Jenis dan Peringkat Tempat Ibadat Islam dan Perletakannya Mengikut Hierarki Petempatan	5
Jadual 2	: Arah Kiblat Bagi Beberapa Bandar Utama	7
Jadual 3	: Tahap Bunyi Yang Boleh Diterima	7
Jadual 4	: Peranan Masjid dan Kaitannya Dengan Keperluan Komponen	13
Jadual 5	: Keperluan Komponen Tempat Ibadat Mengikut Jenis Masjid	14
Rajah 1	: Konsep Perhubungan Ruang dan Komponen Masjid	16
Lampiran 1	: Piawaian dan Keperluan Komponen Bagi Penyediaan Tempat Ibadat Islam	23

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak-pihak berkuasa Agama Islam, agensi-agensi berkaitan dan pemaju di dalam merancang perletakan dan susun atur tempat ibadat Islam yang meliputi masjid, surau dan bilik sembahyang.

## 2. LATAR BELAKANG

### 2.1 Keperluan Penyediaan Tempat Ibadat Islam

Penyediaan masjid dan surau adalah selaras dengan peruntukan **Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan** yang menetapkan **Islam sebagai agama rasmi negara**.

Bagi tujuan penyeragaman, penyediaan masjid, surau serta bilik sembahyang perlu diselaraskan dengan dasar-dasar semasa Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan kemajuan agama Islam di negara ini. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri adalah masih bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang menyentuh hal ehwal Islam di dalam sesebuah negeri.

Dalam konteks perancangan fizikal, penyediaan tempat ibadat islam secara teratur dan terancang adalah penting bukan sahaja untuk memberi keselesaan

kepada penduduk beribadat tetapi juga untuk memastikan ianya dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar dan mematuhi prinsip-prinsip perancangan.

### 2.2 Skop Garis Panduan

Skop garis panduan perancangan ini meliputi penyediaan masjid, surau dan bilik sembahyang serta keperluan kemudahan-kemudahan sokongan dari aspek-aspek **perletakan** dan **susun atur penggunaan ruang**.

Garis panduan ini tidak meliputi institusi keagamaan Islam yang tidak digunakan untuk tujuan beribadat seperti pusat islam/pusat dakwah dan madrasah (tempat belajar agama).

### 2.3 Takrifan Tempat Ibadat Islam

Tempat ibadat Islam iaitu masjid, surau dan bilik sembahyang ditakrifkan seperti berikut:

- **Masjid**

Masjid merupakan bangunan bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat. Masjid berasal dari perkataan Arab iaitu "Sajd" yang merujuk kepada bersujud atau merendahkan diri semasa bersembahyang. Masjid merupakan bangunan di mana sembahyang Jumaat diadakan dengan bilangan jemaah yang ramai dan boleh menampung pelbagai aktiviti.

Terdapat beberapa hierarki masjid yang bergantung kepada tahap, peranan dan perkhidmatan yang diberi iaitu:

- i. Masjid Negara;
- ii. Masjid Negeri;
- iii. Masjid Daerah/Jajahan; dan
- iv. Masjid Mukim/Jamek/Bandar/Kampung/Taman Perumahan.

#### ● **Surau**

Surau atau Musalla merupakan bangunan bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat pada skala yang lebih kecil berbanding masjid. Surau atau Musalla tidak digunakan untuk mendirikan sembahyang Jumaat, kecuali bagi keadaan-keadaan yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri.

#### ● **Bilik Sembahyang**

Ruang tempat bersembahyang yang terdapat di dalam bangunan dan kawasan tumpuan awam seperti pusat membeli belah, pejabat serta kawasan rehat dan rawat di lebuhraya.

### **3. PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN**

Prinsip-prinsip perancangan bagi penyediaan masjid, surau dan bilik sembahyang adalah berasaskan peranan yang dimainkan setiap tempat ibadat tersebut.

Mengikut As-Syeikh Ali Al-Than'tawi, terdapat lima (5) peranan penting yang dimainkan oleh masjid iaitu:

- i. Sebagai tempat ibadat untuk sembahyang fardhu dan sunat;
- ii. Sebagai pusat pendidikan dan ilmu;
- iii. Sebagai tempat *syura* masyarakat setempat;
- iv. Sebagai tempat pertemuan harian masyarakat; dan
- v. Sebagai rumah *taqwa*.

Perincian setiap peranan tersebut adalah seperti berikut:

#### **i. Sebagai Tempat Ibadat Untuk Sembahyang Fardhu dan Sunat**

Mengikut istilah *syarak*, masjid juga disebut sebagai Rumah Allah iaitu tempat paling suci yang wajib dipelihara dan dimakmurkan. Islam meletakkan masjid sebagai komponen penting di dalam sesebuah bandar atau di sesebuah kawasan petempatan. Ianya adalah simbol yang

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

melambangkan kekuatan akidah penganut Islam.

Secara khusus, masjid adalah tempat bagi mendirikan solat secara berjemaah, solat Jumaat dan solat tarawih. Ianya juga digunakan sebagai tempat mengurus dan menyembahyangkan jenazah.

### **ii. Sebagai Pusat Pendidikan dan Ilmu**

Di dalam tradisi Islam, masjid juga berperanan sebagai pusat pendidikan dan pengembangan ilmu yang penting. Ianya adalah tempat memberi dan menerima *ad-din* atau ceramah agama. Sebagai pusat pendidikan dan pengembangan agama, ianya hendaklah mempunyai ruang khas perpustakaan atau tempat rujukan yang menempatkan kitab serta buku-buku agama.

### **iii. Sebagai Tempat Syura dan Pertemuan Masyarakat Setempat**

Masjid merupakan tempat perjumpaan dan perbincangan di kalangan umat Islam. Ianya juga berperanan sebagai tempat menyampaikan maklumat berhubung urusan kemasyarakatan dan bertindak sebagai tempat Baitulmal dan pengumpulan zakat. Aktiviti selainnya seperti program maulud, korban, ziarah dan sebagainya juga dijalankan di masjid. Masjid dengan yang demikian

berperanan bagi menggalak dan mengeratkan persaudaraan dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kesatuan dan perpaduan umat Islam.

### **iv. Sebagai Rumah Taqwa**

Tempat yang damai di masjid membolehkan individu Islam mendekatkan dirinya dengan penciptaNya, tempat untuk berdoa dan iktikaf dan tempat untuk berdampingan dengan Allah SWT melalui amalan tasbih dan zikir.

Berasaskan peranan-peranan di atas, maka prinsip-prinsip asas penyediaan masjid, surau dan bilik sembahyang adalah seperti berikut:

- **Sebagai Syiar dan Mercu Tanda Pembangunan**

Untuk melahirkan insan yang sentiasa mengingati kewujudan Pencipta, maka tempat ibadat Islam khusus masjid hendaklah menjadi elemen yang penting di dalam sesuatu komponen pembangunan dari segi perletakan dan persekitaran. Ianya hendaklah menjadi syiar dan mercu tanda yang unggul sesebuah bandar atau petempatan.

- **Sebagai Fokus Untuk Membangunkan Insan**

Untuk membangunkan insan dari segi ilmu dan moral, tempat ibadat Islam

khususnya masjid hendaklah lengkap dengan kemudahan bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kecemerlangan diri seperti ruang perpustakaan dan pusat sumber, buku-buku bacaan, kaunseling, tempat mengulangkaji pelajaran dan pelbagai aktiviti keilmuan lain yang mengarahkan kepada peningkatan ketakwaan dan keilmuan.

- Sentiasa Berfungsi dan Hidup**

Tempat ibadat Islam hendaklah sentiasa dapat berfungsi dan hidup di sepanjang masa bersesuaian dengan peranan yang dimainkannya. Selain sebagai tempat beribadat, peranannya sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan dan pusat pendidikan dan ilmu hendaklah sentiasa dipupuk. Aspek kemudahsampaian dan penyediaan kemudahan sokongan menjadi faktor utama bagi memastikan tempat ibadat Islam dapat berfungsi dengan berkesan.

- Sentiasa Berharmoni dan Selamat**

Untuk ketenangan beribadat, suasana persekitaran yang harmoni dan damai adalah perlu. Tempat ibadat Islam hendaklah serasi dengan guna tanah, aktiviti dan masyarakat persekitarannya serta bebas dari ancaman bahaya. Ciri-ciri keselesaan dan keperluan kesendirian pengunjung hendaklah diutamakan.

- Sentiasa Indah dan Berseni**

Nilai-nilai estetika dengan mengambil kira penonjolan ciri-ciri kesenian dan keindahan yang unggul, bernilai tinggi serta pengekalan elemen-elemen bersejarah hendaklah diutamakan. Keindahan alam semulajadi hendaklah sentiasa dimanfaatkan. Aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penghijauan, pewujudan badan air dan ciri-ciri keindahan yang boleh mewujudkan suasana damai hendaklah sentiasa dititikberatkan bagi membolehkan ibadat dilakukan dengan lebih khusyuk.

- Penjimatan dan Penggunaan Sumber yang Cekap**

Pembangunan tempat ibadat Islam hendaklah mementingkan penggunaan sumber yang optimum, cekap dan berfungsi serta tidak membazir.

## **4. GARIS PANDUAN UMUM**

Garis panduan umum bagi perancangan masjid, surau dan bilik sembahyang adalah meliputi 2 aspek iaitu perletakan dan susun atur penggunaan ruang.

### **4.1 Perletakan**

Perletakan tempat ibadat Islam perlu ditentukan di beberapa peringkat iaitu

hierarki petempatan, penduduk tадahan dan kesesuaian tapak.

### i. Hierarki Petempatan

Penyediaan tempat ibadat Islam hendaklah berpandukan hierarki petempatan. Semakin tinggi hierarki petempatan, maka tempat ibadat Islam yang disediakan semakin besar dengan peranannya yang lebih luas. Penyediaan tempat ibadat Islam perlu mengikut hierarki petempatan seperti di Jadual 1.

Hierarki petempatan bagi tempat-tempat di sesebuah negeri bolehlah dirujuk kepada rancangan-rancangan pemajuan, khususnya rancangan struktur dan rancangan tempatan yang disediakan di peringkat negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan.

**Jadual 1:** Jenis dan Peringkat Tempat Ibadat Islam dan Perletakannya Mengikut Hierarki Petempatan

Bil.	Jenis Tempat Ibadat Islam	Peringkat	Hierarki Petempatan
1	Masjid Negara	Peringkat Negara	Pusat Utama/Ibu Negara
2	Masjid Negeri	Peringkat Negeri	Pusat Wilayah Negara Pusat Wilayah Negeri/Ibu Negeri
3	Masjid Daerah/Jajahan	Peringkat Daerah/Jajahan	Pusat Separa Wilayah Negeri Pusat Petempatan Utama
4	Masjid Mukim / Jamek / Bandar / Kampung / Kawasan Perumahan	Peringkat Mukim/ Bandar/Kampung/ Kawasan Perumahan	Pusat Petempatan Utama Pusat Petempatan Kecil Pusat Petempatan Desa Pusat Kejiran / Kampung / kawasan perumahan
5	Surau/Musalla	Disediakan bagi menyokong penyediaan masjid di semua peringkat petempatan /pusat kejiran / kampung /kawasan perumahan.	Pusat Petempatan Desa Pusat Kejiran / Kampung / kawasan perumahan
6	Bilik Sembahyang	Disediakan di tempat-tempat/bangunan-bangunan tumpuan orang awam.	

**ii. Penduduk Tadahan**

- Penduduk tadahan akan menentukan bilangan masjid dan surau yang diperlukan di sesuatu kawasan. Secara amnya, Mazhab Imam Shafie yang menjadi pegangan umat Islam di negara ini telah menetapkan supaya masjid disediakan bagi menempatkan **sekurang-kurangnya 40 lelaki Islam dewasa** serta bermastautin di sesuatu kawasan untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Sekiranya kurang 40 orang, surau hendaklah disediakan.
- Bagi kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi iaitu di kawasan-kawasan perbandaran, penyediaan tempat ibadat Islam adalah berdasarkan penduduk tadahan yang lebih ramai dengan penyediaan kawasan masjid dan ruang beribadat yang lebih luas dengan kemudahan-kemudahan sokongan yang lebih lengkap.
- Di kawasan kampung yang menempatkan kepadatan penduduk yang lebih rendah pula, penyediaan tempat ibadat Islam bolehlah berdasarkan bilangan jemaah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, jaraknya dari tempat-tempat kediaman hendaklah lebih berdekatan berdasarkan jarak berjalan kaki (5-10 minit perjalanan).

- Sekiranya di sesebuah kawasan sama ada di kawasan bandar atau kampung telah ada kemudahan masjid, surau tidak perlu disediakan melainkan penduduk mendapatkap kapasiti masjid sedia ada tidak mencukupi.
- Bagi kawasan tumpuan utama dengan penduduk harian Islam yang ramai, perlu disediakan tempat ibadat Islam walaupun tidak mempunyai penduduk bermukim.

**iii. Kesesuaian Tapak**

- Menghadap arah kiblat merupakan aspek penting di dalam perletakan sesuatu tempat ibadat Islam. Kedudukan, orientasi dan bentuk tapak dengan yang demikian hendaklah bersesuaian supaya ianya dapat menghadap arah kiblat. Pembangunan yang melibatkan kedudukan arah kiblat yang menghadap kolam oksidasi, tempat pembuangan sampah atau lain-lain kegunaan yang tidak sesuai adalah tidak dibenarkan.
- Arah kiblat adalah berdasarkan kedudukan sesuatu kawasan dan adalah berbeza-beza. Jadual 2 menyenaraikan arah kiblat bagi beberapa bandar utama di Malaysia.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

**Jadual 2:** Arah Kiblat Bagi Beberapa Bandar Utama

Bandar / Negeri	Arah Kiblat
Kangar, Perlis	291° 2' 45"
Alor Setar, Kedah	291° 7' 23"
Pulau Pinang	291° 34' 37"
Kawasan Kinta, Perak	291° 50' 6"
Kuala Lumpur, Gombak, Petaling, Shah Alam, Selangor	292° 31' 16"
Seremban, Port Dickson, Negeri Sembilan	292° 48'18"
Melaka	292° 50' 49"
Johor Bahru, Johor	292° 54' 30"
Kuantan, Pahang	292° 24' 36"
Kota Bahru, Kelantan	291° 6'
K.Terengganu, Terengganu	291° 23' 2"

**Sumber:** [www:e-solat.gov.my](http://www:e-solat.gov.my)

- Masjid dan surau perlu disediakan di kawasan perumahan yang majoritinya didiami penduduk muslim. Walau bagaimanapun, pembinaan masjid di sekitar taman, tanah lapang, kawasan tasik, kawasan institusi, kawasan pendidikan dan kawasan perdagangan yang boleh mengurangkan kacau ganggu dari bunyi-bunyian yang berkumandang dari sebarang tempat ibadat Islam adalah digalakkan.
- Mengikut World Health Organization (2005), piawaian tahap bunyi yang boleh diterima (tolerable noise level) pada waktu-waktu tertentu adalah seperti di Jadual 3. Seboleh mungkin dalam waktu-waktu tertentu tahap

bunyi ini dipatuhi, kecuali bagi tujuan azan dan semasa menjalankan aktiviti ceramah dan program-program keagamaan.

**Jadual 3:** Tahap Bunyi Yang Boleh Diterima (Tolerable Noise Level)

Masa (Jam)	Environmental Noise Standard dB (A)Leq
0700-2100	60
2100-0700	55

**Sumber:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2005)



Guna tanah persekitaran Masjid Negeri Shah Alam iaitu tanah lapang dan institusi adalah amat bersesuaian sekali.

- Tempat ibadat Islam tidak boleh didirikan berdekatan guna tanah atau aktiviti tidak bersesuaian seperti kolam oksidasi, tempat pembuangan sampah dan tapak pencawang elektrik. Bagi tempat ibadat Islam di

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

kawasan perdagangan, aktiviti-aktiviti yang berunsur maksiat di kawasan sekitar adalah tidak dibenarkan.

- Perletakan tempat ibadat Islam khususnya masjid hendaklah berada di lokasi yang strategik seperti di pusat aktiviti, pusat petempatan atau di pertemuan laluan utama pengguna kenderaan atau pejalan kaki.




*Ilustrasi perancangan dan perletakan masjid yang diakses dengan sistem pejalan kaki yang baik.*

- Bagi masjid-masjid hierarki tinggi seperti Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah, pembangunannya hendaklah menjadi mercu tanda bagi kawasan-kawasan berkenaan.
- Bagi kawasan pembangunan yang baru, ketinggian menara masjid juga hendaklah dijadikan mercu tanda sesebuah kawasan di mana kawalan ketinggian hendaklah dikenakan ke atas bangunan sekeliling masjid supaya

tidak boleh melebihi ketinggian menara masjid.

- Masjid hendaklah diletakkan di kawasan yang dapat dilihat dari pelbagai sudut (*focal point*) bagi sesebuah kawasan. Bagi tujuan penghasilan *focal point* dan mercu tanda, visual koridor hendaklah diwujudkan dan kawalan ketinggian bangunan dikenakan sekurang-kurangnya 1 km *radius* bagi Masjid Negara dan Masjid Negeri dan ½ km *radius* bagi Masjid Daerah/Jajahan. Visual koridor hendaklah ditetapkan semasa merekabentuk sesuatu pelan susunatur yang melibatkan hierarki masjid-masjid berkenaan.
- Perletakan masjid dan surau di kawasan berbukit, curam dan berlembah tidak dibenarkan atas faktor keselamatan dan kemudahsampaian khusus bagi warga tua dan golongan orang kelainan upaya (OKU).

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU



*Masjid perlu berperanan sebagai 'focal point' di sesuatu kawasan pembangunan.*



- Tapak yang dipilih hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi bagi menampung atau bagi bertindak sebagai zon penampan (zon pemisah) untuk mengurangkan kacau ganggu seperti bunyi bising dari pelbagai aktiviti yang tidak bersesuaian.
- Bagi kawasan yang sudah mempunyai masjid, pembinaan masjid baru tidak digalakkan, memadai dengan memperluas lagi ruang masjid sedia ada supaya dapat menampung

pertambahan jemaah. Manakala bagi kawasan baru seperti pembangunan bandar baru atau kawasan institusi, rizab masjid dengan hierarki bersesuaian hendaklah disediakan.

### 4.2 Susun Atur Penggunaan Ruang

Penggunaan ruang hendaklah dirancang dan disusun secara teratur supaya tempat ibadat Islam dapat berfungsi sepenuhnya.

Peranan dan fungsi tempat ibadat Islam dalam konteks ruang perlulah menunjukkan ciri-ciri penggabungan aktiviti supaya penggunaan ruang dapat dioptimumkan sepenuhnya bagi mengelak pembaziran.

Secara amnya, penggunaan ruang tempat ibadat Islam adalah bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- Peranan dan fungsi tempat ibadat Islam;
- Penyediaan anjakan bangunan;
- Keperluan sirkulasi jalan; dan
- Penyediaan tempat letak kenderaan.

Penggunaan ruang tempat ibadat Islam boleh dibahagikan kepada 2 iaitu:

- **Ruang di luar bangunan** – merupakan ruang tanah lapang di sekeliling bangunan yang meliputi

kawasan hijau/landskap, tempat rehat dan tempat letak kenderaan; dan

- **Ruang dalam bangunan** – meliputi komponen seperti mihrab (anjung masjid yang menganjur ke arah kiblat iaitu tempat imam memimpin sembahyang), ruang bangunan utama seperti mimbar (pentas di dalam masjid untuk berkutbah) dan ruang sembahyang, ruang pelbagai, menara, anjung, tempat mengambil wuduk dan tandas.

### i. Ruang Di Luar Bangunan

- Sekiranya jalan sirkulasi perlu disediakan, **anjakan bangunan minimum** dari sisi dan belakang bangunan dengan garis sempadan masing-masing ialah sebanyak **6.1 meter (20 kaki)**. Anjakan bahagian hadapan akan bergantung kepada hierarki jalan. Anjakan bangunan akan bertambah dengan penambahan ketinggian bangunan masjid.
- **Rekabentuk jalan masuk** perlulah mengambilkira keselamatan lalulintas dan rupa bentuk jalan. Tahap penglihatan (*visibility splays*) pada jalan masuk perlulah berada di tahap minimum  $4.5m \times 4.5m$  dan  $9m \times 120m$  untuk bangunan yang berhadapan dengan jalan utama. Syarat kebolehlihan ini perlu diguna pakai di luar pagar atau dinding bangunan yang dicadangkan.
- Pengaliran kenderaan di dalam kawasan tempat ibadat Islam perlulah direkabentuk untuk memudahkan kenderaan keluar-masuk dan keperluan perkhidmatan yang lain seperti penghantaran barang, pergerakan kereta jenazah dan sebagainya.
- **Tempat meletak kenderaan** yang mencukupi perlu disediakan. Kebergantungan terhadap ‘on-street parking’ adalah tidak digalakkan kerana ianya boleh menganggu aliran lalu lintas. Oleh yang demikian, bagi tempat ibadat Islam yang terletak di jalan utama yang sesak, penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi adalah sangat perlu.
- Bagi lokasi tempat ibadat Islam yang ditempatkan di pusat-pusat bandar, di mana sistem pengangkutan awam boleh diperolehi atau berdekatan dengan tempat meletak kenderaan di kawasan sekitar, maka penyediaan tempat meletak kenderaan yang minima boleh dipertimbangkan.
- Kemudahan-kemudahan untuk golongan OKU perlu disediakan. Di samping menyediakan ruang tempat letak kenderaan khas, hendaklah dipastikan juga ianya berdekatan pintu masuk bangunan dan bebas dari sebarang halangan serta mempunyai ‘dropped kerbs’. Jalan untuk kegunaan OKU hendaklah rata dengan

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

kemudahan ‘ramp’ yang berbungung dari kawasan luar ke laluan masuk utama masjid.



*Contoh jalan yang rata dan penyediaan laluan ‘ramp’ yang disediakan bagi kegunaan golongan OKU.*

- Rekabentuk landskap untuk kawasan tempat ibadat Islam hendaklah dilakukan di peringkat awal pembangunan. Landskap yang dilakukan hendaklah bersesuaian dan tidak memerlukan penyelenggaraan yang rumit. Ianya hendaklah memberi teduhan dan berfungsi sebagai penghadang serta mengindahkan kawasan.
- Bagi masjid-masjid yang besar, adalah digalakkan supaya mewujudkan taman mini bagi mengindahkan lagi kawasan masjid dengan menyediakan pondok-pondok rehat, wakaf, tempat duduk dan elemen lain yang berkaitan.



*Contoh rekabentuk landskap dalaman yang baik untuk menceriakan suasana ruang solat.*



*Elemen air boleh memainkan peranan yang baik dalam mengindahkan suasana persekitaran tempat ibadat Islam.*



*Aktiviti landskap perlu peka kepada keperluan dan keselamatan pengguna.*

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

- Mengadakan tanda arah di tempat yang strategik dan papan tanda nama masjid dan surau yang jelas bagi memudahkan pengenalan. Penyediaan maklumat masjid yang menjelaskan kedudukan ruang, susun atur, fungsi ruang serta tatacara penggunaan kemudahan juga digalakkan.



*Contoh reka bentuk papan tanda di kawasan ruang sekitar bangunan masjid.*

- Papan-papan pengiklanan ‘billboard’ yang boleh menutup pandangan masjid adalah tidak dibenarkan dibangunkan di dalam tapak masjid atau di kawasan berdekatan.
- Tindakan-tindakan pencahayaan dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di tempat-tempat tertentu terutama di pintu-pintu masuk tempat ibadat Islam adalah digalakkan bagi menjamin keselamatan jemaah.



*Contoh kamera litar tertutup yang boleh digunakan.*

### ii. Ruang Dalam Bangunan

- Rekabentuk bangunan perlulah indah dan menarik dari segi bentuk estetik dan *ambience* keseluruhan. Sebarang penambahan atau pengubahsuaian masjid dan surau perlu mempertimbangkan perkara-perkara berikut:
  - mengekal dan menambahbaik bentuk dan karakter bangunan asal;
  - menggunakan bahan-bahan binaan dan spesifikasi senibina yang sesuai;
  - memelihara fabrik bersejarah; dan
  - memastikan pengubahsuaian tidak merosakkan struktur asal.
- Penyediaan ruang dalam bangunan adalah bergantung kepada peranan yang telah ditetapkan untuk sesbuah tempat ibadat Islam. Bagi masjid, perkaitan peranan masjid dengan keperluan ruang adalah seperti di Jadual 4. Keperluan penyediaan ruang di dalam masjid mengikut hierarki masjid pula adalah seperti di jadual 5.

**Jadual 4:** Peranan Masjid dan Kaitannya Dengan Keperluan Komponen


PERANAN	KEPERLUAN KOMPONEN
<b>Sebagai tempat sembahyang berjemaah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ruang Ibadat (Solat Jumaat, Solat Fardhu dan Sunat)</li> <li>• Ruang mengambil wuduk</li> <li>• Rumah atau bilik Imam dan Bilal</li> </ul>
<b>Sebagai sebuah institusi, pengajian keagamaan dan pusat sumber</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ruang mengaji Al-Quran</li> <li>• Tempat mengajar/ceramah agama</li> <li>• Perpustakaan/pusat sumber sebagai rujukan atau kajian dalam hal-hal berkaitan Islam</li> <li>• Ruang bacaan terbuka</li> <li>• Tadika, Sekolah Agama</li> <li>• Tempat sumber maklumat Islam</li> </ul>
<b>Sebagai pusat kegiatan masyarakat, perjumpaan harian dan pusat pengumpulan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat perjumpaan / pengurusan kegiatan masyarakat,</li> <li>• Tempat perayaan hari kebesaran Islam seperti Maulidul-Rasul, Israj Mikraj, Sembahyang Hari Raya Puasa Haji dan sebagainya</li> <li>• Ruang terbuka untuk kutipan zakat cukai dan lain-lain.</li> <li>• Tempat bermesyuarat dan pengumuman</li> <li>• Tempat atau ruang pengurusan jenazah</li> <li>• Tempat perjumpaan kumpulan seperti akad nikah</li> <li>• Tempat masyarakat setempat membuat usaha-usaha kebajikan seperti bantuan kecemasan atau malapetaka.</li> <li>• Bilik Utiliti dan stor menyimpan barang.</li> <li>• Bilik penyediaan makanan (pantry)</li> </ul>
<b>Sebagai destinasi perhentian dan istirehat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan tandas awam, bilik mandi dan bilik persalinan berasingan.</li> <li>• Tempat rehat bagi pengunjung yang musafir</li> <li>• Pusat jualan kecil-kecilan seperti gerai / tempat jualan peralatan keagamaan seperti keperluan menunaikan ibadah haji/umrah, dan barang-barang bagi pengurusan pengkebumian</li> <li>• Ruang tempat letak kenderaan</li> <li>• Laluan pejalan kaki</li> </ul>
<b>Sebagai taman landskap</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan taman mini dan pondok-pondok rehat</li> <li>• Bangku-bangku tempat duduk</li> <li>• Tanaman pokok-pokok hiasan</li> <li>• Kawasan lapang untuk pembesaran masa hadapan</li> </ul>
<b>Sebagai tempat tarikan pelancongan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muzium kecil</li> <li>• Dewan pameran awam</li> <li>• Reka bentuk bangunan / landskap unit berciri senibina Islam yang tulen.</li> </ul>

**Jadual 5:** Keperluan Komponen Tempat Ibadat Mengikut Jenis Masjid

KOMPONEN	Masjid Negara	Masjid Negeri	Masjid Daerah/ Jajahan	Masjid Mukim/ Taman Perumahan/ Kampung	Surau/ Musalla
Mihrab dan Ruang Sembahyang	✓	✓	✓	✓	✓
Bilik Persalinan, Bilik Mandi dan Tandas Awam	✓	✓	✓	✓	✓
Ruang mengambil wuduk	✓	✓	✓	✓	✓
Pejabat Imam dan Bilal	✓	✓	✓	✓	✓
Tempat Letak Kereta/ Motosikal	✓	✓	✓	✓	✓
Kediaman Imam	✓	✓	✓	✓	-
Ruang khusus pungutan zakat dan sebagainya	✓	✓	✓	✓	-
Bilik Mesyuarat/ Dewan	✓	✓	✓	✓	-
Pusat Sumber/ Perpustakaan	✓	✓	✓	✓	-
Tempat Pengurusan Jenazah	✓	✓	✓	✓	✓
Tempat perjumpaan dan dewan keraian seperti majlis perkahwinan dan akad nikah	✓	✓	✓	✓	-
Bilik Bacaan/Rujukan Audio-Visual dan Kaunseling	✓	✓	✓	✓	-
Bilik Tetamu dan Asrama	✓	✓	✓	-	-
Ruang Gerai/Jualan Ringan	✓	✓	✓	-	-
Taman Mini Landskap	✓	✓	✓	✓	✓
Telefon Awam	✓	✓	✓	✓	✓
Pejabat/Stor	✓	✓	✓	✓	-
Bilik Penyediaan Makanan	✓	✓	✓	✓	✓
Tadika Islam	✓	✓	✓	✓	-
Sekolah Agama	✓	✓	✓	✓	-
Makam Khas	✓	-	-	-	-
Dewan Pameran Awam	✓	✓	✓	-	-
Kawasan Perkuburan	-	-	-	-	-

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

- Dewan solat yang disediakan perlulah luas, terbuka dan tinggi bagi mewujudkan perasaan psikologi “kehambaan” manusia kepada Pencipta.
- Ruang atau bilik untuk urusan jenazah perlu disediakan berdekatan dengan pintu masuk dan berhadapan dengan jalan bagi memudahkan urusan mengurus jenazah.
- Ruang sembahyang, pintu masuk dan tempat mengambil wuduk perlulah diasingkan antara jemaah lelaki dan perempuan.
- Perletakan tandas hendaklah berasingan dari bangunan masjid dan disediakan ruang berasingan untuk lelaki dan perempuan.





*Contoh reka bentuk bangunan ibadat di mana ruang masuk dan tempat mengambil wuduk serta tandas diasingkan antara lelaki dan*

- Menara masjid perlu direkabentuk supaya dapat dilihat dari semua sudut kawasan sekitarnya.

- Tapak berhampiran masjid boleh diwujudkan sebagai tapak gerai (kiosk) perniagaan ringan yang menjual barang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti keagamaan.
- Ciri-ciri dalaman bangunan yang diperlukan untuk OKU adalah seperti berikut:
  - susun atur dalaman termasuk lebar pintu dan susun atur tempat duduk hendaklah menepati keperluan untuk OKU.
  - Sekurang-kurangnya satu tandas unisex untuk OKU disediakan.
  - ‘*Induction loop*’ perlu disediakan untuk membantu OKU kurang pendengaran di dalam kawasan untuk tempat ibadat dan sebarang perjumpaan atau bilik komuniti yang besar ruang lantainya melebihi 100 meter persegi.
- Contoh konsep susunatur masjid yang menunjukkan integrasi penggunaan ruang dan penggunaan tanah yang optimum adalah seperti di Rajah 1. Konsep susunatur masjid ini boleh menampung 1,000 jemaah dengan keluasan 1,000 meter persegi keluasan ruang solat dan sekurang-kurangnya keluasan kawasan sebanyak 1 hektar yang boleh menampung kemudahan-kemudahan sokongan. Piawaian penyediaan ruang solat adalah seluas **1 meter persegi bagi setiap jemaah**.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

**Rajah 1:** Konsep Perhubungan Ruang dan Komponen Masjid



## 5. GARIS PANDUAN KHUSUS

### 5.1 Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah/Jajahan

- **Masjid Negara** – terletak di ibu negara dengan keluasan **10 hektar** (berdasarkan kriteria sebagaimana di Jadual 4 dan Jadual 5). Masjid ini memerlukan ruang yang luas untuk pelbagai aktiviti berkaitan dan bagi menampung jemaah yang ramai.
- **Masjid Negeri** – terletak di ibu negeri dengan keluasan **3 hingga 5 hektar** dan berperanan memberi perkhidmatan pada tahap yang lebih rendah berbanding Masjid Negara.
- **Masjid Daerah/Jajahan** – terletak di kawasan petempatan iaitu Pusat Separa Wilayah Negeri atau Pusat Petempatan Utama dan berperanan serta memberi perkhidmatan pada tahap yang lebih rendah dari Masjid Negeri. Keluasan yang sesuai adalah **1.5 hingga 3 hektar** bagi memberi ruang berjemaah melebihi 2,000.
- Bagi ketiga-tiga hierarki masjid di atas, pusat islam/balai islam atau pusat dakwah sekiranya perlu ditempatkan di kawasan bersebelahan dengan masjid bagi mewujudkan penggunaan tanah yang bersepada. Seterusnya, selaras peranan dan fungsi masjid sebagai institusi pembangunan ummah, kemudahan seperti berikut diperlukan:
  - Pejabat imam dan bilik mesyuarat;
  - Ruang untuk pungutan zakat, cukai dan yang berkaitan;
  - Ruang pengurusan jenazah;
  - Ruang untuk perpustakaan/pusat sumber, bilik bacaan, kaunseling dan ‘audio-visual’;
  - Ruang pameran;
  - Tadika/sekolah agama; dan
  - Rumah anak yatim.
- Bagi masjid yang menjadi tempat persinggahan utama, kemudahan tambahan iaitu rumah tetamu, asrama (hostel) untuk pengunjung yang musafir atau mereka yang memerlukan kemudahan tersebut perlu disediakan.
- Mewujudkan taman mini landskap bagi mengindahkan lagi kawasan masjid dengan menyediakan pondok-pondok rehat, wakaf, tempat duduk, dewan, landskap lembut dan elemen-elemen landskap selainnya. Di samping itu, pemilihan pokok hendaklah bersesuaian iaitu yang tidak memerlukan penyelengaraan yang rumit dan tidak menghalang penglihatan terhadap struktur utama seperti menara dan kubah masjid.
- Mewujudkan satu ruang khas berhampiran masjid sebagai tapak gerai (kiosk) bagi aktiviti perniagaan ringan yang berkaitan dengan aktiviti keagamaan.

## 5.2 Masjid Mukim/Jamek/Bandar/Kampung

- Perletakannya hendaklah mengikut hierarki petempatan yang bersesuaian iaitu di Pusat Petempatan Utama, Pusat Petempatan Kecil, Pusat Kejiranan, Pusat Pertumbuhan Desa dan kawasan kampung. Bagi penyediaan masjid di kawasan bandar berkepadatan tinggi, keluasan masjid yang lebih luas perlu disediakan bersesuaian dengan bilangan jemaah.
- Piawaian perancangan bagi masjid kategori ini sebagaimana diputuskan dalam Persidangan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal agama Islam Malaysia, mempunyai tiga peringkat iaitu:
  - Keperluan minimum sebuah masjid adalah **200 meter persegi ruang solat** (tidak termasuk ruang-ruang lain). Ianya bagi menampung sekurang-kurangnya 41-200 jemaah (yang kebiasaannya melibatkan kawasan kampung) dengan keluasan minimum iaitu **0.25 hektar**;
  - Bagi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk sederhana seperti taman perumahan atau pinggir bandar, peruntukan minimum tapak untuk bangunan masjid dan kemudahan sokongannya ialah **0.5 hektar dan 1,000 meter persegi bagi ruang solat**. Masjid di dalam kategori ini dijangka boleh

menampung **sehingga 1,000 jemaah**; dan

- Bagi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kawasan perbandaran atau kawasan pusat kejiranan, peruntukan minimum tanah adalah seluas **1.0 hektar** dan keluasan ruang solat sebanyak **1,500 meter persegi** untuk 1000 hingga 1,500 jemaah atau jumlah penduduk Islam melebihi 5,000 orang (rujuk Lampiran 1).
- Sesuai dengan peranan dan fungsi masjid sebagai institusi pembangunan ummah, kemudahan tambahan hendaklah disediakan meliputi:
  - Pejabat kadi, pusat tadika dan 'nursery';
  - Asrama mini untuk para musafir; dan
  - Rumah anak yatim.
- Kawasan masjid perlu dilandskap dengan pemilihan pokok yang bersesuaian dan tidak menghalang struktur menara dan kubah.
- Sekiranya terdapat kawasan tumpuan utama yang mempunyai penduduk harian melebihi 1,000 orang Islam, ianya boleh disediakan dengan syarat kemudahan tempat ibadat yang berhampiran tidak ada atau telah

melebihi kapasiti. Kawasan-kawasan tersebut termasuk:

- Kompleks pengajian tinggi atau universiti;
- Kawasan kem tentera;
- Kawasan pusat bandar/ perniagaan/ pejabat utama;
- Kawasan perindustrian;
- Kompleks pejabat-pejabat kerajaan; dan
- Kawasan lapangan terbang utama.
- Bagi masjid-masjid lama yang melibatkan kesemua kategori di atas, pemeliharaan dan pemuliharaan masjid ini hendaklah dikekalkan atas faktor-faktor sejarah, seni bina dan warisan. Pembesaran dan perluasan masjid-masjid lama ini perlulah dikawal dan dilakukan dengan teliti.
- Keperluan tempat letak kereta dianggarkan  $1:9.3m^2$  (100kp) ruang solat. Anggaran bilangan tempat letak kereta yang perlu disediakan hendaklah mengambilkira jemaah yang berjalan kaki atau menaiki kenderaan. Bagi mencapai pembangunan mampan, penggunaan basikal adalah digalakkan. Penyediaan tempat letak basikal/motosikal yang berkunci perlu disediakan. Untuk tempat letak motosikal berkunci, 1 petak motosikal bagi  $15m^2$  (161.5kp) ruang solat hendaklah disediakan.

### 5.3 Surau/Musalla

- Pemakaian piawaian perancangan adalah sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia iaitu **1 surau untuk 40 isi rumah penduduk Islam** sebagai keperluan minimum dan 1 tapak seluas minimum **0.2 hektar (40-200 orang)** yang sesuai untuk kawasan perbandaran, taman perumahan, perkampungan atau kawasan tumpuan orang ramai (rujuk Lampiran 1).
- Pembangunan surau/musalla di pangaspuri, perdagangan dan sebagainya perlulah mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam dan perlu digazetkan terlebih dahulu sebelum bangunan didirikan.
- Penyediaan surau di kawasan perumahan bertingkat seperti rumah pangsa kos rendah, pangaspuri dan kondominium digalakkan dibina secara berasingan di dalam kawasan tersebut bagi memudahkan penghuni melakukan aktiviti keagamaan dan aktiviti berkaitan, tertakluk kepada ketersediaan saiz tanah yang mencukupi.
- Komponen yang perlu disediakan bagi sesebuah surau/musalla ialah:
  - Ruang tempat sembahyang;
  - Ruang tempat letak kenderaan;

- Ruang bacaan (digalakkan mempunyai perpustakaan mini);
- Ruang tempat mengambil wuduk dan tandas berasingan; dan
- Ruang pengurusan jenazah perlu disediakan. Bilik ini perlu diletakkan berdekatan dengan pintu masuk dan berhadapan dengan laluan kenderaan.



*Contoh ruang dalaman yang baik untuk surau  
(Surau di Precint 8, Putrajaya).*


#### 5.4 Bilik Sembahyang

- Bagi tempat-tempat tumpuan orang ramai khusus yang melibatkan orang Islam perlu disediakan ruang untuk sembahyang sama ada berbentuk bilik sembahyang atau bangunan berasingan terutamanya bagi kawasan yang jauh daripada masjid atau surau sedia ada dan melibatkan kawasan berikut:

- Kompleks pejabat kerajaan;
- Terminal perhentian pengangkutan awam termasuk bas, taxi dan keretapi;
- Stadium dan kompleks sukan;
- Pasar dan kompleks perniagaan;
- Hentian lebuhraya;
- Kawasan perindustrian;
- Pusat pelancongan;
- Lapangan terbang;
- Kawasan institusi atau pusat latihan awam;
- Kompleks pendidikan dan sekolah-sekolah;
- Hospital kerajaan; dan
- Lain-lain kawasan tumpuan orang ramai.

- Perancangan bagi bilik atau ruang sembahyang ini hendaklah dilakukan di peringkat awal rekabentuk sebarang pembangunan. **Saiz bilik sembahyang** hendaklah mencukupi bagi menampung ruang untuk sembahyang secara berjemaah dengan **keluasan minimum 20 meter persegi**.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU



*Contoh konsep susunatur ruang sembahyang dalam bangunan dan kawasan hentian lebuhraya.*



*Ruang solat hentian lebuhraya yang menarik (R&R Dengkil dari KLIA ke KL).*



*Ruang solat moden (surau Suria, KLCC).*



*Ruang menunggu dan laluan masuk yang luas untuk kegunaan jemaah.*

- Lokasinya perlulah mudah dikunjungi dan mempunyai laluan masuk yang sesuai bagi kemudahan orang kurang upaya. Laluan masuk untuk jemaah lelaki dan wanita hendaklah berasingan.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN MASJID DAN SURAU

- Kedudukan kiblat di dalam bilik sembahyang perlulah tidak mengadap ke arah tandas. Perletakan ruang wuduk hendaklah disekalikan di tempat sembahyang yang terlindung dari pandangan umum.



Tempat wuduk yang selesa, selamat dan bersih.



Pintu masuk untuk jemaah wanita dan lelaki yang berasingan.

- Penyediaan tempat sembahyang bergerak (mobile) bagi tapak pasar malam dan bazaar Ramadhan hendaklah disediakan oleh PBT dan pihak-pihak yang bertanggung jawab bagi memberi kemudahan kepada

peniaga dan pengunjung menunaikan solat.



*Penyediaan tempat atau ruang sembahyang bergerak (mobile) hendaklah disediakan di kawasan tumpuan awam seperti di tapak pasar malam.*

## 6. PENUTUP

Adalah menjadi hasrat di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar aspek-aspek yang dicadangkan di dalam garis panduan ini daripada prinsip-prinsip perancangan, garis panduan umum dan garis panduan khusus dapat dipatuhi dan memandu Pihak-pihak Berkuasa Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi berkaitan dan pemaju dalam merancang dan membangunkan masjid, surau dan bilik sembahyang.



Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia

Tel: 03-2081 6000  
Faks: 03-2094 1170  
Email: [bpp@townplan.gov.my](mailto:bpp@townplan.gov.my)  
Laman web: [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my)

**LAMPIRAN 1**

Aspek	Masjid Negara	Masjid Negeri	Masjid Daerah/Jajahan	Masjid Mukim/Bandar/Kampung	Surau/Musalla	Bilik Sembahyang
Perletakan Mengikut Hierarki Petempatan	Pusat Utama (Ibu Negara)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Wilayah Negeri (Ibu Negeri)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Separa Wilayah Negeri (Pusat Bandar Daerah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Petempatan Utama</li> <li>Pusat Petempatan Kecil</li> <li>Pusat kejiranan</li> <li>Pusat pertumbuhan Desa</li> </ul>	Tidak mengikut hierarki petempatan	
Bilangan Jemaah	-	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melebihi jemaah 2,000</li> </ul>	<p><b>41 HINGGA 2,000 JEMAAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi kawasan berkepadatan rendah (kawasan kampung), masjid perlu disediakan dengan keluasan minimum <b>0.25 hektar</b> bagi menampung <b>41 hingga 200 jemaah</b>.</li> <li>Bagi kawasan berkepadatan sederhana (kawasan bandar, taman perumahan atau pinggir bandar), masjid perlu disediakan dengan keluasan minimum <b>0.5 hektar</b> bagi menampung <b>1,000 jemaah</b>.</li> <li>Bagi kawasan berkepadatan tinggi (kawasan perbandaran, pinggir bandar dan pusat kejiranan), masjid perlu disediakan dengan keluasan minimum <b>1.0 hektar</b> bagi menampung <b>1000-1,500 jemaah</b>.</li> </ul>	Kurang dari 200 jemaah	
				Bagi kawasan tumpuan utama dengan penduduk harian melebihi 1,000 orang Islam, perlu disediakan tempat ibadat Islam walaupun tidak mempunyai penduduk bermukim dan tiada kemudahan tempat ibadat yang berhampiran atau tempat ibadat berhampiran telah mencapai kapasiti maksimum. Kawasan tersebut termasuk kompleks pengajian tinggi/universiti, kawasan kem tentera, kawasan pusat bandar/perdagangan utama, kawasan perindustrian, kawasan institusi/kompleks pejabat-pejabat kerajaan, kawasan lapangan terbang utama dll.		
Keluasan Tapak	<b>10 hektar</b> (24.8 ekar)	<b>3 hingga 5 hektar</b> (7.4 ekar–12.4 ekar)	<b>1.5 hingga 3 hektar</b> (3.7 ekar – 7.4 ekar)	<b>0.25 hingga 1.0 hektar</b> (0.62 ekar – 2.47 ekar)	<b>0.2 hektar</b> (0.5 ekar)	
Ruang Solat (bergantung kepada anggaran jemaah)	-	-	<b>Melebihi 2,000m<sup>2</sup></b>	<b>200m<sup>2</sup> hingga 2,000m<sup>2</sup></b>	<b>40m<sup>2</sup> hingga 200m<sup>2</sup></b>	<b>20m<sup>2</sup> (minimum)</b>

Aspek	Masjid Negara	Masjid Negeri	Masjid Daerah/Jajahan	Masjid Mukim/Bandar/Kampung	Surau/Musalla	Bilik Sembahyang
Keperluan Ruang						
Mihrab dan ruang sembahyang	√	√	√	√	√	√
Bilik persalinan dan tandas awam	√	√	√	√	√	
Ruang mengambil wuduk dan tandas berasingan	√	√	√	√	√	
Ruang pengurusan jenazah	√	√	√	√	√	
Pejabat imam dan bilal	√	√	√	√	√	
Tempat letak kereta/motosikal	√	√	√	√	√	
Kediaman imam	√	√	√	√		
Ruang pungutan zakat	√	√	√	√		
Bilik mesyuarat/dewan	√	√	√	√		
Pusat sumber / perpustakaan mini	√	√	√	√		
Bilik bacaan/rujukan audio-visual/kaunseling	√	√	√	√		
Bilik tetamu dan asrama	√	√	√			
Ruang gerai/jualan ringan	√	√	√			
Taman mini landscap	√	√	√	√		
Pejabat/stor	√	√	√	√	√	
Tadika Islam	√	√	√	√		
Sekolah Agama	√	√	√	√		
Makam Khas	√					
Dewan Pameran Awam	√	√	√			
Keperluan Tempat Letak Kenderaan	1 Tempat letak kereta untuk 9.3m <sup>2</sup> (100kp). 1 petak motosikal/15m <sup>2</sup> (161 kp) ruang solat perlu disediakan.  Untuk tempat ibadat islam yang boleh memuatkan 200 petak tempat letak kereta, 6% daripada jumlah keseluruhan hendaklah disediakan untuk OKU. Bagi tempat ibadat yang mempunyai kapasiti tempat letak kereta melebihi 200 petak, sebanyak 4% daripada jumlah keseluruhan beserta dengan ruangan tambahan perlu disediakan.					-
						-